



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING RUKUN TETANGGA
BILANGAN 5 TAHUN 2015**

**JAWATANKUASA PERMUAFAKATAN
KAWASAN RUKUN TETANGGA (JPKRT)**

**JABATAN PERPADUAN NEGERA DAN INTEGRASI NASIONAL
(JABATAN PERDANA MENTERI)**

1 September 2015

Dikelilingkan kepada :

Semua Pengarah Bahagian

Semua Pengarah Perpaduan Negeri

Semua Pegawai Perpaduan Daerah / Bahagian



JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
(JABATAN PERDANA MENTERI)
ARAS 7-10, BLOK E2, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 03-8883 7000
Talian 1MOCC : 03-8000 8000
Faks : 03-8888 8584
Laman Web : <http://www.jpnin.gov.my>

Ruj. Kami : JPNIN.02/519 (PEKELILING RT) SJ1(28)

Tarikh : 1 September 2015

Semua Pengarah Bahagian
Semua Pengarah Perpaduan Negeri
Semua Pegawai Perpaduan Daerah / Bahagian

**SURAT PEKELILING RUKUN TETANGGA
BILANGAN 5 TAHUN 2015**

**JAWATANKUASA PERMUAFAKATAN
KAWASAN RUKUN TETANGGA (JPKRT)**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Rukun Tetangga ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga di peringkat Daerah/Bahagian/Zon selaras dengan Seksyen 22 Akta Rukun Tetangga 2012 yang menyentuh mengenai penggabungan aktiviti Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga.

TAFSIRAN

2. Bagi maksud pemakaian pekeling ini :

- 2.1. “Jawatankuasa Permuafakatan” merujuk kepada Jawatankuasa yang ditubuhkan dengan melibatkan penggabungan beberapa Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga untuk melaksanakan aktiviti dan fungsi untuk manfaat bersama selaras dengan Seksyen 22 Akta Rukun Tetangga 2012.
- 2.2. “Ketua Pengarah” merujuk kepada ketua yang dipertanggungjawabkan mengetuai Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- 2.3. “Pengarah” merujuk kepada Pengarah Rukun Tetangga dan termasuklah Ketua Pengarah Rukun Tetangga, Timbalan Ketua Pengarah Rukun Tetangga, Timbalan Pengarah Rukun Tetangga dan Penolong Pengarah Rukun Tetangga yang dilantik oleh Menteri bagi maksud melaksanakan kewajipan di bawah Akta Rukun Tetangga 2012.
- 2.4. “Kawasan Rukun Tetangga” merujuk kepada Kawasan Rukun Tetangga yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah melalui notis yang dikeluarkan di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

LATAR BELAKANG

3. Sejak kewujudan Kawasan Rukun Tetangga, penggabungan aktiviti dan pelaksanaan fungsi yang melibatkan lebih dari satu Kawasan Rukun Tetangga sememangnya telah dilaksanakan. Senario ini berlaku didorong oleh inisiatif Pegawai-pegawai Jabatan yang melihat keberhasilan dan keberkesanan penggabungan Kawasan Rukun Tetangga dalam menjalankan fungsi dan peranan yang termaktub dalam Seksyen 8 Akta Rukun Tetangga adalah amat menggalakkan.

4. Jawatankuasa sedia ada yang wujud adalah secara arahan pentadbiran yang melaksanakan fungsi-fungsi penyelarasan perpaduan dan kesejahteraan kejranaan di kalangan Kawasan Rukun Tetangga di bawah naungan dan pemantauan pentadbiran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri/ Daerah / Bahagian/ Zon. Kebanyakan jawatankuasa yang diwujudkan bertindak atas arahan Pegawai Perpaduan Daerah / Bahagian dengan nasihat dan penilaian oleh Pengarah Perpaduan Negeri.

5. Sehubungan itu, satu garis panduan mengenai penubuhan dan pelaksanaan Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga disediakan bagi maksud menyelaraskan tindakan Jawatankuasa sedia ada dan sebagai arahan bertulis Pengarah dalam melaksanakan keputusan kerajaan berhubung Seksyen 22 Akta Rukun Tetangga 2012.

TATACARA

6. Tatacara atau garis panduan penubuhan dan pelaksanaan Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga yang disediakan bersama-sama pekeliling ini adalah sebagai panduan kepada Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga, Ketua Pengarah Rukun Tetangga, Timbalan Ketua Pengarah Rukun Tetangga, Pengarah Rukun Tetangga, Penolong Pengarah Rukun Tetangga dan mana-mana pegawai lain yang difikirkan perlu atau suai manfaat untuk bertindak dan mengendalikan pelaksanaan perkara-perkara yang berkaitan Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

PELAKSANAAN

7. Pelaksanaan penubuhan Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga hendaklah merujuk kepada Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional yang dikepilkan bersama serta arahan jabatan berhubung Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga dari semasa ke semasa.

8. Semua garis panduan dan maklumat berkaitan penubuhan Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga atau mana-mana jawatankuasa yang melibatkan penggabungan Kawasan Rukun Tetangga yang ditubuhkan terdahulu adalah terbatal dan hendaklah mengikuti tatacara dan panduan sepertimana yang dinyatakan dalam surat pekeliling ini melalui lampiran-lampiran yang menjadi sebahagian daripada surat pekeliling ini.

PENGUATKUASAAN

9. Surat pekeliling ini dikuatkuasakan di semua peringkat di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN


10. Pekeliling ini digunakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan dipanjangkan ke peringkat Ibu Pejabat, Negeri dan Daerah/Bahagian.

11. Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan, Ibu Pejabat boleh dihubungi untuk penjelasan lanjut berhubung Pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(GANDESAN A/L LETCHUMANAN)

Ketua Pengarah Rukun Tetangga
Malaysia

**PEKELILING
RUKUN
TETANGGA
BILANGAN 5
TAHUN 2015**



**PANDUAN
PENUBUHAN DAN
PELAKSANAAN
JAWATANKUASA
PERMUAFAKATAN
KAWASAN RUKUN
TETANGGA
(JPKRT)**

**JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
JABATAN PERDANA MENTERI
ARAS 7-10, BLOK E2, PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA**

TEL: 03-88837000 NO. FAKS: 03-88888584

ISI KANDUNGAN

PANDUAN PENUBUHAN DAN PELAKSANAAN JAWATANKUASA PERMUAFKATAN KAWASAN RUKUN TETANGGA

TAJUK	MUKA SURAT
Tujuan	2
Latar Belakang	2
Punca Kuasa	3
Matlamat	4
Objektif	4
Terma Rujukan	5
Fungsi Jawatankuasa	6
Pelantikan dan Pembubaran	6
Keanggotaan	7
Mekanisme Pelaksanaan	8
- Peringkat Penubuhan	
- Mesyuarat	
- Pelaksanaan Aktiviti	
- Peraturan Kewangan	
- Pemantauan dan Pelaporan	
Kod Etika	11
Maklumat Pertanyaan Lanjut	11
Penutup	12

**PANDUAN
PENUBUHAN DAN PELAKSANAAN
JAWATANKUASA PERMUFAKATAN RUKUN TETANGGA**

TUJUAN

1. Panduan ini dikeluarkan adalah sebagai rujukan kepada semua Pegawai dan Kakitangan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional serta ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga dalam menubuhkan dan melaksanakan **Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga** peringkat Daerah/Bahagian/Zon di seluruh Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga yang bertindak menggalas tugas dan tanggungjawab sebagai Agen Perpaduan di peringkat akar umbi sememangnya memainkan peranan penting untuk pembangunan komuniti. Dalam mengukuhkan lagi kekuatan Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga sedia ada, penggabungan kepimpinan dilaksanakan dengan membentuk satu Jawatankuasa yang lebih besar serta ruang lingkup fungsi yang lebih luas untuk tujuan menyumbang kepada keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian masyarakat sejagat.
3. Menyedari akan kepentingan pergerakan yang lebih luas di kalangan Ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga peringkat pentadbiran Negeri Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah mewujudkan jawatankuasa sama ada di peringkat Negeri mahupun Daerah, Bahagian atau pun Zon untuk tujuan yang sama. Jawatankuasa yang ditubuhkan melaksanakan fungsi yang sama dan melibatkan keanggotaan di kalangan Ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga dalam suatu liputan pentadbiran Daerah / Bahagian ataupun Zon. Namun demikian, senario tersebut membentuk kepelbagaian jawatankuasa yang terhasil mengikut keperluan di Negeri masing-masing.

4. Justeru itu, bagi tujuan penyelarasan, pembentukan jawatankuasa yang dikenali sebagai **Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga** adalah perlu bagi memastikan perjalanan dan pergerakan lebih tersusun dan selaras antara semua negeri demi mewujudkan kesepaduan sosial di dalam sesebuah masyarakat yang pelbagai.
5. Penubuhan **Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga** juga akan menjadi satu rangkaian kukuh kepada Kawasan Rukun Tetangga sedia ada untuk bergerak secara bersepadu dan menyelaraskan usaha-usaha yang dilakukan untuk mengekalkan kesepaduan sosial dan membatasi kerencaman kepelbagaian serta memperkemas kefungsiannya Kawasan Rukun Tetangga yang bernaung di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

PUNCA KUASA

6. Penubuhan **Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga** adalah selaras dengan peraturan bagi Seksyen 22 Akta Rukun Tetangga 2012 berikut:

“Pergabungan aktiviti Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga.”

22. (1) Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga bagi dua Kawasan atau lebih boleh menggabungkan aktiviti mereka-

- a) jika difikirkan perlu atau suai manfaat untuk berbuat demikian; atau***
- b) jika Pengarah mengarahkan secara bertulis supaya Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga itu bertindak secara pergabungan mengikut dan setakat yang dinyatakan oleh Pengarah dalam arahan itu.***

(2) Jika Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga bagi dua Kawasan atau lebih memikirkan bahawa dalam pergabungan aktiviti-aktiviti mereka itu adalah perlu bagi semua atau mana-mana Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga atau anggota Skim Rondaan Sukarela semasa menjalankan tugas meronda atau tugas mengawal, untuk melaksanakan fungsi atau tugas dalam Kawasan atau Kawasan-kawasan selain Kawasan mereka masing-masing, adalah sah di sisi undang-undang untuk mereka berbuat demikian tertakluk kepada arahan bertulis yang diberikan oleh Pengarah.

MATLAMAT

7. Matlamat akhir penubuhan **Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga** adalah untuk mencapai kecemerlangan tadbir urus dan penyelarasan pergabungan aktiviti di peringkat Kawasan Rukun Tetangga sekali gus meningkatkan kualiti dan keberkesanan serta imej Kawasan Rukun Tetangga sebagai agen perpaduan di peringkat akar umbi.

OBJEKTIF

8. Objektif Umum

- 8.1. Mewujudkan medium pemantauan dan penyelarasan yang komprehensif bagi membantu Kawasan Rukun Tetangga bergiat aktif melaksanakan fungsi dan tugas berdasarkan Seksyen 8 Akta Rukun Tetangga 2012 dalam bentuk pelaksanaan aktiviti-aktiviti khidmat komuniti, aktiviti-aktiviti penggalakan perpaduan serta aktiviti keselamatan komuniti untuk pembangunan komuniti secara menyeluruh.

9. Objektif Khusus:

- 9.1. Memperkasakan peranan Kawasan Rukun Tetangga sebagai agen perpaduan dalam menyelaraskan aktiviti-aktiviti di dalam kawasan untuk tujuan memantapkan perpaduan, keselamatan kejiwaan, keharmonian agama, budaya, pembangunan ekonomi dan keharmonian politik di dalam masyarakat.
- 9.2. Meningkatkan keberkesanan pengurusan Kawasan Rukun Tetangga melalui pengurusan yang telus dan cekap berdasarkan konsep penyelarasan berpusat di peringkat Daerah/Bahagian.
- 9.3. Meningkatkan kecekapan kepimpinan Kawasan Rukun Tetangga sebagai penyelaraskan aktiviti penggalakan perpaduan dan penyelesaian isu-isu perpaduan di peringkat akar umbi.
- 9.4. Menggalakkan keaktifan Kawasan Rukun Tetangga di semua peringkat.
- 9.5. Mengukuhkan jaringan kerjasama di kalangan Kawasan Rukun Tetangga dalam satu pentadbiran Daerah/Bahagian.

TERMA RUJUKAN

10. Terma rujukan untuk kerangka asas kepada Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga disenaraikan seperti berikut:
 - 10.1. Bertindak sebagai badan penyelarasan kepada Jabatan (PPD/PPB) dalam hal ehwal Kawasan Rukun Tetangga di peringkat Daerah/Bahagian/Zon.
 - 10.2. Menyediakan forum untuk ahli-ahlinya mengemukakan buah fikiran bagi meningkatkan dan memperkasakan keberkesanan fungsi dan imej Kawasan Rukun Tetangga

FUNGSI JAWATANKUASA

11. Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga hendaklah mempunyai fungsi yang berikut :
 - 11.1. Menyelaras isu-isu yang berkaitan perpaduan, keharmonian dan keselamatan komuniti di peringkat Kawasan Rukun Tetangga.
 - 11.2. Mempercepat dan memudahkan penyaluran maklumat dan data-data berkaitan Kawasan Rukun Tetangga kepada pentadbiran jabatan dan sebaliknya.
 - 11.3. Membuat pelaporan aktiviti-aktiviti penggalakan perpaduan, laporan kes Skim Rondaan Sukarela dan Mediator Komuniti serta lain-lain laporan yang difikirkan perlu.
 - 11.4. Bertindak sebagai saluran untuk membincangkan dan menyelesaikan masalah-masalah berkaitan keaktifan Kawasan Rukun Tetangga
 - 11.5. Menyelaras program gabungan Kawasan Rukun Tetangga peringkat Daerah/Bahagian.
 - 11.6. Menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan secara gabungan di kalangan beberapa Kawasan Rukun Tetangga berdasarkan peruntukan Akta.


PELANTIKAN DAN PEMBUBARAN

12. Pelantikan dilaksanakan melalui mesyuarat pemilihan di peringkat Daerah/Bahagian yang dipengerusikan oleh PPD/PPB atau wakil PPD/PPB.
13. Bagi Daerah/Bahagian yang besar pelantikan Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga boleh dilaksanakan dan ditubuhkan mengikut pecahan zon berdasarkan parlimen.

14. Tempoh bagi sesuatu pelantikan Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga dalam suatu penggal adalah selama 2 tahun dan pelanjutan tempoh pelantikan boleh dibuat oleh PPD/PPB jika difikirkan perlu tetapi tidak melebihi tiga penggal secara berturut-turut.

KEANGGOTAAN

15. Pelantikan hendaklah melibatkan keahlian yang berikut:
 - 15.1. Seorang pengerusi
 - 15.2. Sekurang-kurangnya seorang Timbalan Pengerusi
 - 15.3. Seorang Setiausaha
 - 15.4. Sekurang-kurangnya seorang Penolong Setiausaha
 - 15.5. Ketua-ketua Cawangan / Bidang / Biro
 - 15.6. Keahlian melibatkan Pengerusi-pengerusi Kawasan Rukun Tetangga/ AJK utama Kawasan Rukun Tetangga di Daerah/Bahagian/Zon.
16. Kesemua Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga dalam Daerah/Bahagian adalah layak menjadi ahli Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga. Mana-mana ahli yang tidak lagi menjadi pengerusi akan gugur keahlian serta-merta.
17. Ahli Jawatankuasa utama Kawasan Rukun Tetangga yang lain (Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Penolong Setiausaha dan Bendahari) juga boleh dilantik menganggotai Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga jika difikirkan perlu oleh PPD/PPB.
18. Struktur organisasi seperti di jadual 1 berikut:



Jadual 1: Struktur Organisasi Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga

MEKANISMA PELAKSANAAN

19. Peringkat Penubuhan

19.1. Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga ditubuhkan mengikut persempadanan Daerah/Bahagian/Zon.

20. Mesyuarat

20.1. Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun. Walau bagaimanapun, PPD/PPB boleh mengarahkan Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga mengadakan mesyuarat pada bila-bila masa yang difikirkan perlu.

20.2. PPD/PPB atau wakil hendaklah menghadiri setiap mesyuarat dan menyampaikan amanat/maklumat daripada jabatan sebagai agenda tetap.

20.3. Salinan Minit Mesyuarat perlulah dikemukakan ke pejabat JPNIN Daerah/Bahagian.

21. Pelaksanaan Aktiviti

21.1. Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga boleh melaksanakan penggabungan aktiviti yang melibatkan beberapa Kawasan Rukun Tetangga atau kesemua Kawasan Rukun Tetangga yang menjadi ahli dalam Jawatankuasa ini selaras dengan Seksyen 22 Akta Rukun Tetangga 2012.

21.2. Pelaksanaan penggabungan aktiviti hendaklah selaras dengan keperluan yang diperuntukkan dalam Seksyen 8 dan Seksyen 18 Akta Rukun Tetangga 2012.

22. Peraturan Kewangan

19.1 Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga tidak dibenarkan membuka akaun khas atas nama Jawatankuasa ini.

19.2 Segala penyelarasan yang diputuskan dalam mesyuarat melibatkan kewangan perlulah dilantik mana-mana Kawasan Rukun Tetangga untuk mengendalikan tugas kewangan mengikut setiap pelaksanaan aktiviti yang dicadangkan. Pengendalian kewangan oleh Jawatankuasa hendaklah menggunakan akaun Kawasan Rukun Tetangga sedia ada yang dilantik tertakluk kepada kelulusan bertulis melalui keputusan mesyuarat Jawatankuasa tersebut.

- 19.3 Apa-apa kutipan wang bagi pelaksanaan apa-apa gabungan aktiviti Kawasan Rukun Tetangga di bawah kendalian jawatankuasa ini hendaklah terlebih dahulu memohon dan mendapatkan kelulusan daripada Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional selaras dengan Seksyen 12 Akta Rukun Tetangga.
- 19.4 Segala perkara atau urusan berkaitan kewangan hendaklah menggunakan akaun Kawasan Rukun Tetangga sedia ada dan tertakluk kepada prosedur kewangan yang terpakai kepada Kawasan Rukun Tetangga. (*Akta Rukun Tetangga 2012, Panduan Pengurusan Kewangan dan Aset Alih Rukun Tetangga, Pekeliling Rukun Tetangga 2012 dan lain-lain peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa*).

23. Pemantauan Dan Pelaporan

- 20.1 PPD/PPB perlu memantau dan menyelia pergerakan dan pelaksanaan Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga.
- 20.2 Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga bertanggungjawab untuk melaporkan apa-apa perkara yang berkaitan dan mengemukakan laporan bertulis bagi setiap aktiviti yang dilaksanakan.
- 20.3 PPD/PPB juga boleh mengeluarkan arahan kepada Jawatankuasa untuk mengemukakan laporan tertentu mengikut format yang ditetapkan dari semasa ke semasa jika difikirkan perlu.

KOD ETIKA

24. Kod etika Jawatankuasa yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

- 24.1. Ahli Jawatankuasa digalakkan menghadiri mesyuarat secara kerap.
- 24.2. Ahli Jawatankuasa dilarang melakukan sesuatu perkara yang boleh menjejaskan imej Jabatan dan kerajaan.
- 24.3. Ahli Jawatankuasa hendaklah sanggup menerima arahan dari semasa ke semasa dan berkhidmat secara komited dan sukarela.
- 24.4. Ahli Jawatankuasa tidak dibenarkan membawa atau bersepakat dengan pengaruh luar untuk membuat sebarang tuntutan bagi diri atau mana-mana pihak yang berkepentingan peribadi.
- 24.5. Segala peraturan, undang-undang dan larangan-larangan terhadap pertubuhan oleh kerajaan adalah sah dan diguna pakai kepada Jawatankuasa ini.

MAKLUMAT PERTANYAAN LANJUT

25. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai kandungan Panduan Penubuhan dan Pelaksanaan Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga (JPKRT) boleh diajukan kepada:

Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Aras 8, Blok E2, Kompleks E,
62502 PUTRAJAYA

No. Telefon : 03-8883 7000

No. Faksimili : 03-8888 8569 / 8568

Alamat e-mail : hq_pmk@jpnin.gov.my

PENUTUP

26. Panduan ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan penubuhan jawatankuasa di peringkat KRT yang sebelum ini ditubuhkan hanya secara arahan pentadbiran dan tiada panduan yang selaras disediakan.
27. Sehubungan itu, adalah diharapkan panduan ini dapat memudahkan lagi usaha Jabatan dalam proses penubuhan Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga di Daerah/Bahagian.
28. Penubuhan Jawatankuasa ini, diharapkan dapat membantu Jabatan memudahkan pengendalian dan pengurusan pentadbiran Kawasan Rukun Tetangga secara komprehensif.
29. Dengan adanya Panduan Penubuhan Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga ini, Jawatankuasa dan peraturan sedia ada yang terdahulu adalah terbatal dan panduan ini haruslah terpakai bagi penubuhan Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga (JPKRT) di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.